

Dr. M umum jawatan Ketua Penerangan UMNO

UM 29 APR 2002

KUALA SELANGOR 28 April — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, jawatan Ketua Penerangan UMNO akan diumumkan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata, calon Ketua Penerangan perlulah dari kalangan mereka yang boleh membuat kerja dengan berkesan untuk parti.

Beliau berkata, calon berkenaan boleh diambil dari kalangan ahli Majlis Tertinggi (MT) atau sebaliknya.

“Terserah kepada presiden parti untuk menentukan siapa Ketua Penerangan UMNO yang bar-u,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akh-

bar selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kuala Selangor di bangunan UMNO bahagian di sini, hari ini.

Sebelum ini, Datuk Mustapa Mohamed telah melepaskan jawatan Ketua Penerangan UMNO Malaysia bagi menumpukan perhatian sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan.